

INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)
www.ijlgc.com



CABARAN DAN POTENSI PROSES RUNDINGAN DAMAI SELATAN THAILAND: PENGURANGAN KEGANASAN DAN PEMBERHENTIAN PERMUSUHAN

CHALLENGES AND POTENTIAL FOR THE SOUTHERN THAILAND PEACE NEGOTIATION PROCESS: REDUCTION OF VIOLENCE AND CESSATION OF HOSTILITIES

Adib Fahim¹, Nurul Naqirah², Zaini Salleh^{3*}

- ¹ Unit Kajian Konflik, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: madib.fahim@gmail.com
² Unit Kajian Konflik, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: nurulnaqirah@upnm.edu.my
³ Unit Kajian Konflik, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Email: zacksalleh@yahoo.com, zainisalleh@upnm.edu.my
* Corresponding Author: Kol. Prof Madya Dr Mohd Zaini bin Salleh

Article Info:

Article history:

Received date: 25.06.2024
Revised date: 17.07.2024
Accepted date: 15.08.2024
Published date: 30.09.2024

To cite this document:

Fahim, A., Naqirah, N., & Salleh, Z.
(2024). Cabaran Dan Potensi Proses Rundingan Damai Selatan Thailand: Pengurangan Keganasan Dan Pemberhentian Permusuhan. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (37), 211-220.

DOI: 10.35631/IJLGC.937019

Abstrak:

Konflik bersenjata di Selatan Thai adalah sebuah konflik terpanjang yang berlaku dalam sejarah dunia kerana ia berlaku semenjak abad ke 18. Konflik ini bermula dengan serangan dan penaklukan Siam ke atas wilayah kesultanan Patani pada tahun 1786 dan semenjak daripada itu wilayah selatan Thai sentiasa berada dalam pergolakan sehinggalah ke hari ini. Konflik yang berlaku turut memberi kesan kepada negara-negara jiran terutama Malaysia. Kerajaan Thailand dan puak pemisah bersetuju melantik Malaysia sebagai fasilitator untuk proses rundingan damai yang ditandatangani pada tahun 2013 dan sejak daripada itu, Malaysia telah memainkan peranan yang cukup penting dalam mendamaikan kedua-dua belah pihak. Ianya merupakan permasalahan kajian yang telah dikenal pasti melibatkan persoalan sejauhmanakah kepentingan untuk mencapai pengurangan keganasan dan pemberhentian permusuhan perlu diberi perhatian dan pelaksanaan terlebih dahulu di dalam menentukan kelancaran proses damai selanjutnya melibatkan konsultasi awam dan penyelesaian politik. Antara objektif kajian ini adalah mengenal pasti faktor-faktor utama yang menyumbang kepada ketegangan dan konflik di selatan Thailand, menganalisis keberkesanan rundingan damai yang telah dijalankan sebelum ini, mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan atau kegagalan mereka menganalisis kepentingan pelaksanaan pengurangan keganasan dan pemberhentian

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

permusuhan demi kelangsungan konsultasi awam dan penyelesaian politik serta mengusulkan strategi dan cadangan untuk meningkatkan keberkesanan rundingan damai dan mengatasi cabaran yang dihadapi. Kajian ini akan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan menganalisis data primer dan sekunder. Pengurangan keganasan dan pemberhentian permusuhan amat penting bagi proses rundingan damai ini kerana ia adalah penentu bagi penyelesaian politik dan konsultasi awam.

Kata Kunci:

BRN, Fasilitator, PEDP – RTG, Malaysia, Selatan Thai

Abstract:

The armed conflict in Southern Thailand is the longest conflict in world history because it has been happening since the 18th century. This conflict began with the Siamese attack and conquest of the Patani sultanate in 1786 and since then the southern Thai region has always been in turmoil until to today. The conflict that occurred also affected neighboring countries, especially Malaysia. The Thai government and the separatist agreed to appoint Malaysia as a facilitator for the peace negotiation process signed in 2013 and since then, Malaysia has played a very important role in reconciling the two sides. It is a research problem that has been identified involving the question of the extent to which the importance of achieving the reduction of violence and the cessation of hostilities needs to be given attention and implementation first in determining the smoothness of the peace process and then involving public consultation and political solutions. Among the objectives of this study is to identify the main factors that contribute to the tension and conflict in southern Thailand, analyze the effectiveness of peace negotiations that have been carried out before, identify the factors that influence their success or failure, analyze the importance of implementing the reduction of violence and the cessation of hostilities for the continuation of public consultations and political solutions as well as proposing strategies and recommendations to increase the effectiveness of peace negotiations and overcome the challenges faced. This study will use qualitative research methods by analyzing primary and secondary data. The reduction of violence and the cessation of hostilities is very important for this peace negotiation process as it is the determinant for a political solution and public consultation.

Keywords:


BRN, Facilitator, PEDP – RTG, Malaysia, Southern Thailand

Latar Belakang Kajian

Konflik bersenjata di Selatan Thai adalah sebuah konflik terpanjang yang berlaku dalam sejarah dunia kerana ia berlaku semenjak abad ke 18. Konflik ini bermula dengan serangan dan penjajahan Siam ke atas wilayah kesultanan Patani pada tahun 1786 (Che Aziz, 2009), dan semenjak daripada itu wilayah selatan Thai sentiasa berada dalam pergolakan sehinggalah ke hari ini. Kawasan geografi selatan Thai yang bergolak dan menjadi tuntutan oleh kumpulan-kumpulan pemisah adalah sebuah kawasan geografi yang terdiri daripada beberapa buah wilayah iaitu Patani, Yala, Narathiwat dan juga beberapa daerah di bawah pentadbiran wilayah Songkhla seperti Thepa, Saba Yoi, Chana dan Na Thawi (Pusat Studi Sosial Asia Tenggara, Universiti Gadjah Mada, 2020). Wilayah ini seringkali menjadi tumpuan masyarakat antarabangsa apabila berlaku sesuatu insiden bersenjata dan keganasan seperti letupan,

pertempuran, sabotaj dan sebagainya yang mengakibatkan kehilangan nyawa, kerosakan infrastruktur, fasiliti dan harta benda. Menurut Deep South Watch (2021), sejak Januari 2004 hingga Oktober 2021, seramai 7,294 telah terbunuh dan 13,550 cedera akibat daripada konflik yang berlaku. Timbul persoalan-persoalan asas seperti: punca keganasan berlaku, pihak-pihak yang terlibat, dan situasi semasa keselamatan di wilayah-wilayah selatan ini.

Siri-siri insiden keganasan yang berlaku ini semestinya memberi impak yang negatif dari pelbagai aspek: keselamatan, kestabilan politik, pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial wilayah-wilayah berkenaan serta kesan berpanjangan keselamatan insan (*human security*) terhadap penduduk tempatan. Dari aspek hak kemanusiaan sejagat (*human rights*), orang awam tidak terkecuali menjadi mangsa konflik yang berlarutan ini. Menurut Zachary Abuza (2023), kira-kira 30 orang - tidak termasuk pemberontak - terbunuh manakala 123 orang lagi cedera dalam keganasan yang berlaku di Selatan Thailand pada tahun lepas. Selain itu, sebagaimana konflik bersenjata yang berlaku di selatan Filipina, khususnya Mindanao, yang memberi impak limpahan (*spill-over impacts*) kepada Malaysia, khususnya pantai timur Sabah, konflik selatan Thailand juga turut memberi limpahan impak kepada Malaysia. Ketiga-tiga wilayah bergolak iaitu Patani, Yala dan Narathiwat berdekatan dan berkongsi sempadan antarabangsa dengan Malaysia. Konflik ini akan memberi kesan kepada Malaysia misalnya, ia akan menyebabkan rancangan pembangunan di Kawasan Pembangunan Bersama (Joint Development Area) yang terletak di pesisiran sempadan negara terjejas (Rizal Hamdan, 2023). Memandangkan kerajaan Thailand menghadapi kesukaran untuk menangani gerakan kumpulan-kumpulan pemisah, khususnya Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani (BRN) yang dipercayai paling berpengaruh (Iman Zulqarnain & Iman Muttaqin Yusof, 2022), inisiatif telah dilakukan di bawah pentadbiran Perdana Menteri Yingluck Sinawtra pada tahun 2013 (Don Pathan, 2019). Persetujuan secara prinsip telah dicapai antara kedua-dua pihak yang bertelagah, kerajaan Thailand dan pihak pemisah yang diwakili oleh BRN agar konflik yang berlarutan ini dibawa ke meja rundingan. Kedua-dua pihak bersetuju melantik kerajaan Malaysia sebagai fasilitator.



Rajah 1: Statistik Kematian Dan Kecederaan Bermula Jan 2004 Hingga Okt 2021.

Semenjak bermulanya rundingan damai antara kerajaan Thai dan puak pemisah pada 2013, Malaysia sentiasa komited dan sentiasa memainkan peranan yang penting sebagai fasilitator dalam rundingan ini. Rundingan damai dalam penyelesaian konflik di selatan Thailand merupakan langkah penting untuk mencapai kestabilan dan perdamaian di kawasan tersebut. Semenjak tahun 2013, kerajaan Malaysia telah melantik empat orang fasilitator yang bertanggungjawab menjadi orang tengah serta pemudahcara proses rundingan damai antara kerajaan Thai dan puak pemisah. Fasilitator yang pertama adalah Datuk Seri Zamzamin Hashim daripada Bahagian Penyelidikan di Jabatan Perdana Menteri (2013-2018), bekas Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Rahim Mohd Noor (2018-2022), bekas panglima angkatan tentera, Jeneral Tan Sri Zulkifli Zainal Abidin (2023-2024) dan terkini Datuk Mohd Rabin Basir (2024-kini). Dengan wujudnya proses rundingan damai ini, konflik yang telah sekian lama berlangsung, ketiga-tiga pihak menaruh harapan agar konflik ini menemui jalan penyelesaian dan mengembalikan semula keamanan di wilayah-wilayah selatan Thai.

Ulasan Karya

Menurut Shahri dan Mohd Huda (2021) dalam artikel “Konflik Selatan Thai: Implikasi Terhadap Keselamatan Nasional Malaysia”, penulis menyatakan tentang konflik selatan Thailand yang memberi kesan kepada Malaysia. Ini disebut sebagai *spill over effect* di mana negara jiran terkena tempias akibat konflik yang berlaku. Wilayah selatan Thai adalah kawasan yang bersempadan dengan beberapa buah negeri di Malaysia iaitu Kelantan, Perak dan Kedah dan majoriti penduduknya adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam dan secara tidak langsung ini memberi impak psikologi kepada Malaysia terutama negeri-negeri yang bersempadan dengan selatan Thailand kerana majoriti penduduknya juga berbangsa Melayu dan beragama Islam. Hal ini akan menyebabkan berlakunya isu pelarian yang semestinya memberi lebih banyak implikasi buruk berbanding baik. Sebagai tambahan, isu pelarian ini juga akan menimbulkan isu lain seperti pendatang asing tanpa izin dan jenayah transnasional sebagai contoh, penyeludupan manusia, dadah dan senjata. Selain itu, penulis juga menekankan pentingnya pengurusan dan penyelesaian konflik. Apabila berlakunya konflik yang berlaku di negara yang bersempadan dengan Malaysia, terutamanya di wilayah selatan Thailand, aliran masuk pelarian akan berlaku penambahan dan hal ini boleh menyebabkan ianya tidak terkawal kerana kita berkongsi budaya, agama dan bangsa. Penulis menekankan bahawa pentingnya sesebuah konflik diuruskan dengan baik dan diselesaikan dalam kadar segera. Sebagai tambahan, penulis Shahri dan Mohd Huda (2021) memetik cadangan daripada Che Mohd Aziz (2011) bahawa kerajaan Thailand dan penduduk selatan Thai perlu memahami budaya antara satu sama lain. Thailand adalah sebuah negara yang di mana majoriti penduduknya berbangsa Thai dan beragama Buddha manakala penduduk selatan Thai majoritinya berbangsa Melayu dan beragama Islam. Perbezaan budaya dan agama merupakan salah satu faktor utama berlakunya konflik ini. Oleh itu, kedua-dua belah pihak perlu memainkan peranan yang penting dalam menangani konflik ini.

Selain itu, menurut Mohd Mizan Aslam (2012) dalam satu artikel yang bertajuk “Penyelesaian Konflik Selatan Thailand Dengan Menggunakan Model Gagasan Satu Malaysia” mencadangkan penggunaan model gagasan 1 Malaysia sebagai medium untuk menghentikan permusuhan dan konflik antara kerajaan Thai dan penduduk selatan Thai. Gagasan 1 Malaysia diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato’ Seri Najib Tun Razak. Gagasan ini boleh dijadikan rujukan oleh Thailand untuk menyatupadukan rakyat Thailand khususnya penduduk selatan Thai dan sekali gus menamatkan konflik yang telah berlarutan sejak sekian lama. Sebagai tambahan, gagasan 1 Malaysia dilihat sebagai konsep yang terbaik

untuk Thailand menyatukan rakyatnya yang mempunyai agama dan budaya yang berbeza khususnya antara selatan Thai dan wilayah-wilayah Thai yang lain.

Seterusnya, Yaacob dan Ahmad (2019) melalui artikel yang bertajuk “Transformasi Isu Dalam Penyelesaian Konflik Patani di Selatan Thailand” menerangkan tentang definisi Transformasi Konflik yang bermaksud kaedah yang digunakan pada masa kini untuk menyelesaikan konflik apabila kaedah penyelesaian konflik gagal dilakukan. Yacob dan Ahmad juga ada menerangkan lima elemen dalam Transformasi Konflik iaitu yang pertama, transformasi konteks merujuk kepada perubahan dalam konteks konflik sama ada di peringkat dalaman atau luaran konflik. Peringkat dalaman merujuk kepada perubahan dari segi persepsi, tanggapan atau motivasi pihak-pihak yang terlibat dalam konflik. Manakala peringkat luaran konflik pula adalah merujuk kepada penglibatan pihak antarabangsa dalam konflik khususnya dari segi bantuan kemanusiaan dan sebagainya yang di mana ia secara tidak langsung membuatkan pihak yang terlibat dalam konflik merubah cara dan persepsi mereka menguruskan konflik tersebut. Elemen kedua ialah transformasi struktur yang merujuk kepada perubahan yang berlaku pada aktor-aktor, isu-isu, kepentingan dan sebagainya. Perubahan ini merujuk kepada berlakunya isu-isu dalaman yang berlaku dan mempengaruhi peringkat luaran dan yang seterusnya memberi kesan kepada peringkat dalaman semula. Selain itu, elemen ketiga ialah transformasi aktor-aktor politik yang merujuk kepada perubahan pucuk pimpinan atau pertukaran pertukaran kerajaan yang membawa dasar atau pendekatan yang baru dalam menangani konflik. Elemen ini boleh menjadikan proses penyelesaian konflik berjalan dengan lebih baik. Sebagai contoh perubahan pucuk pimpinan kerajaan disebabkan rampasan kuasa yang dilakukan oleh Tentera Thai. Elemen keempat pula adalah transformasi isu yang bermaksud sesebuah konflik itu diselesaikan apabila sesuatu isu yang lain timbul dan isu yang timbul itu memberi kesan kepada kedua-dua pihak yang sedang bertelagah dari segi adat, budaya, ekonomi, pendidikan dan sebagainya. Timbulnya isu-isu yang memberi kesan kepada pihak-pihak yang berkonflik boleh menyebabkan mereka bekerjasama untuk menangani isu tersebut sekali gus mengurangkan permusuhan antara mereka. Yang kelima dan terakhir adalah transformasi personal atau kumpulan. Transformasi ini merujuk kepada perubahan yang berlaku kepada individu atau kumpulan yang bertelagah sama ada dari segi emosi, hati dan perasaan. Perubahan yang berlaku ini dapat melembutkan hati dan jiwa seseorang itu untuk menghentikan konflik dan permusuhan sekali gus menamatkan konflik. Transformasi ini boleh dibuat dengan adanya pendedahan nilai-nilai agama yang sentiasa mengutamakan keamanan.

Menurut Maddimunri, Muhammad. (2022) dalam artikel yang bertajuk Hubungkait Gerakan Pemisah Dan Tuntutan Berkerajaan Sendiri Di Thailand berpendapat bahawa salah satu punca konflik selatan Thai adalah diskriminasi identiti dan budaya terhadap orang-orang Melayu Patani. Pada asalnya pemberontakan disebabkan isu penjajahan dan kemerdekaan, akan tetapi konflik ini berlarutan apabila isu identiti bangsa Melayu diusik oleh kerajaan Thailand. Kerajaan Thai mengenalkan Dasar Rathaniyom iaitu dasar asimilasi kepada penduduk Patani. Hal ini menyebabkan orang Melayu Patani merasa tidak berpuas hati kerana identiti budaya bangsa mereka terancam dan mereka tidak dapat menerima dasar tersebut sekaligus menjadi salah satu pencetus kepada konflik ini. Selain itu, penulis ada menyatakan faktor lain yang menyumbang kepada konflik ini selain daripada diskriminasi identiti bangsa iaitu ekonomi. Sumber alam di selatan Thai dieksploitasi oleh pihak luar dan keuntungan itu tidak diberi kepada penduduk setempat. Pendidikan juga menjadi salah satu faktor yang menyumbang kepada konflik ini. Pendidikan menjadi satu kaedah atau mekanisme kerajaan Thailand untuk mengasimilasikan penduduk selatan Thailand. Antaranya, kerajaan Thailand mewajibkan

buku-buku pelajaran agama Islam dicetak dalam bahasa Thai berdasarkan Akta Pelajaran 1921, Sebagai tambahan, kerajaan Thailand juga mewajibkan pengurusan sekolah pondok untuk mengikuti silibus pelajaran kerajaan. Pada perspektif penduduk tempatan, dasar ini merupakan satu polisi yang menekan dan mendiskriminasikan orang Melayu.

Secara ringkasnya, faktor-faktor yang menyebabkan konflik ini berlaku pada masa sekarang ada sedikit sebanyak berubah berbanding masa lalu. Jika kita lihat masa lalu, konflik selatan Thai ini berfokus kepada tuntutan kemerdekaan oleh pihak pemisah dan seiring dengan perubahan zaman, konflik tersebut berkembang disebabkan pelbagai isu seperti diskriminasi, ekonomi dan sebagainya. Pihak yang berkonflik mempunyai pendirian dan agenda masing-masing hal ini menyebabkan konflik tersebut berkembang bukan sahaja untuk menuntut kemerdekaan untuk pihak pemisah khususnya akan tetapi ada lagi perkara-perkara lain seperti menuntut supaya hasil ekonomi diagih secara adil, budaya dan identiti orang Melayu Islam terjaga dan sebagainya. Untuk kerajaan Thailand pula, mereka juga mempunyai agenda mereka tersendiri seperti mereka tidak mahu ada wilayah dalam negara Thailand terpisah dengan negara mereka sendiri. Selain itu, mereka juga hendak memastikan budaya dan identiti Thai Buddha terus terpelihara oleh sebab itu mereka memperkenalkan Dasar Rathaniyom.

Pernyataan Masalah

Konflik yang berlaku telah menyebabkan ramai yang terkorban sama ada di pihak pasukan keselamatan Thai, puak pemisah mahupun rakyat tempatan. Konflik yang berlaku turut memberi kesan kepada negara-negara jiran terutama Malaysia dan Indonesia. Wilayah-wilayah berkonflik bersempadan dengan utara Semenanjung Malaysia menerima kesan langsung sekiranya berlaku sesuatu insiden melibatkan pengaliran masuk warga selatan Thailand pada waktu-waktu kejadian (Firdaus Shahri, Iqbal Huda, 2021). Manakala Indonesia memberi perhatian disebabkan oleh ada sejumlah mahasiswa Indonesia yang belajar dan menetap di beberapa wilayah di selatan Thailand dan ada juga sejumlah mahasiswa daripada selatan Thailand yang melanjutkan pengajian di Indonesia (Kementerian Luar Negeri Republik Indonesia, 2021). Atas beberapa faktor, kerajaan Thailand dan puak pemisah bersetuju melantik Malaysia sebagai fasilitator untuk proses rundingan damai yang ditandatangani pada tahun 2013 dan sejak daripada itu, Malaysia telah memainkan peranan yang cukup penting dalam mendamaikan kedua-dua belah pihak. Setelah hampir 11 tahun kedua-dua pihak kerajaan Thai dan BRN menandatangani *General Consensus on Peace Dialogue Process*, perkembangan proses damai selepasnya sehingga kini masih menghadapi cabaran dan rintangan. Sepanjang proses rundingan damai berlangsung, pelbagai insiden dan cabaran berlaku yang semestinya memberi kesan kepada proses rundingan tersebut. Antaranya, lima insiden keganasan yang menyebabkan kematian yang berlaku selepas inisiatif Ramadan dilancarkan. Menurut Mstar, satu media tempatan, seorang Tok Penggawa di daerah Yala cedera ditembak menurut ketua polis wilayah itu dan selain itu, seorang lelaki mati dalam pertempuran dengan pihak keselamatan Thailand di wilayah Narathiwat. Selain itu, politik semasa Thailand juga pernah mengalami beberapa insiden yang berlaku yang menyebabkan ketidakstabilan politik seperti siri rampasan kuasa yang dilakukan oleh pihak tentera. Pada tahun 2014 iaitu setahun selepas proses rundingan damai dilancarkan di Kuala Lumpur, tentera Thailand melalui panglimanya, Jeneral Prayut Chan-o-Cha telah melakukan rampasan kuasa. Tambahan pula, proses rundingan damai pernah tergendala selama setahun kerana berlakunya pilihan raya umum dan juga menunggu pembentukan kerajaan. Ini hanyalah sebahagian sahaja isu-isu yang berlaku sepanjang proses rundingan damai berlangsung.

Namun demikian terdapat tiga isu besar yang menjadi cabaran dan halangan sebenar di dalam mencapai perdamaian walaupun secara prinsipnya kedua-dua pihak telah menandatangani dua dokumen utama iaitu *General Consensus on Peace Dialogue Peace Process 2013*, dan *Peace Dialogue Proses Design*, atau lebih dikenali sebagai *Berlin Initiative 2019* (Anonymous, 2013, 2019). *Berlin Initiative 2019* ini kemudiannya disahkan semula di Kuala Lumpur pada 2022 (Anonymous, 2022) di mana Malaysia adalah fasilitator rasmi antara kedua pihak yang berkonflik. Tiga isu besar yang menjadi halangan dan cabaran kepada ketiga-tiga pihak dalam proses rundingan damai ini adalah tertumpu kepada: (1) Pengurangan Keganasan dan Pemberhentian Permusuhan, (2) Konsultasi Awam, dan (3) Penyelesaian Politik. Di antara ketiga-tiga isu besar ini, pengurangan keganasan dan pemberhentian permusuhan ditafsirkan sebagai penentu perlanjutan kejayaan proses dan rundingan damai seterusnya. Tanpa memulakan usaha pengurangan keganasan dan pemberhentian permusuhan, isu-isu substantif melibatkan konsultasi awam dan penyelesaian politik terhadap masyarakat dan penduduk awam wilayah-wilayah selatan yang masih bergolak tidak dapat dilaksanakan dan diteruskan. Ini disebabkan tiada jaminan keselamatan nyawa dan harta benda yang diberi oleh kerajaan Thai dan pihak pemisah. Oleh yang demikian, kajian ini akan mengenal pasti sejauh manakah kepentingan untuk mencapai pengurangan keganasan dan pemberhentian permusuhan perlu diberi perhatian dan pelaksanaan terlebih dahulu di dalam menentukan kelancaran proses damai selanjutnya melibatkan konsultasi awam dan penyelesaian politik.

Objektif Kajian

Setiap kajian yang dilakukan mempunyai objektif yang tersendiri. Objektif-objektif tersebut disenaraikan bagi memudahkan kajian dilakukan serta menjadi penanda aras bagi kajian yang dilakukan. Kajian yang dilakukan ini mempunyai beberapa objektif seperti mengenal pasti faktor-faktor utama yang menyumbang kepada ketegangan dan konflik di selatan Thailand. Sebagai contoh, isu yang menyebabkan berlakunya konflik, siapa individu dan pihak yang bertanggungjawab terhadap konflik selatan Thai. Selain itu, kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis keberkesanan rundingan damai yang telah dijalankan sebelum ini dan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan atau kegagalan mereka serta kepentingan pelaksanaan pengurangan keganasan dan pemberhentian permusuhan demi kelangsungan konsultasi awam dan penyelesaian politik. Hal ini bergantung kepada semua pihak yang terlibat sama ada daripada pihak kerajaan Malaysia khususnya fasilitator, kerajaan Thailand melalui PEDP-RTG (Peace Dialogue Panel – Royal Thai Government) dan BRN (Badan Revolusi Nasional Melayu Patani). Akhir sekali kajian ini juga boleh diusulkan untuk dijadikan strategi dan cadangan untuk meningkatkan keberkesanan rundingan damai dan mengatasi cabaran yang dihadapi dan mungkin boleh digunakan pada masa hadapan jika kerajaan Malaysia masih lagi diberi kepercayaan untuk menjadi pemudahcara bagi proses dialog keamanan.

Kaedah Kajian

Kajian ini akan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan menganalisis data sekunder. Kaedah penyelidikan kualitatif digunakan bagi mengkaji tentang proses damai selatan Thai khususnya dalam isu pengurangan keganasan dan pemberhentian permusuhan antara kerajaan Thai dan puak pemisah. Kajian ini dibuat berdasarkan proses rundingan damai yang bermula pada 2013 hingga kini. Data yang digunakan dalam tesis ini adalah data sekunder. Data sekunder adalah data yang diambil dan dianalisis daripada dokumen seperti laporan kajian, akhbar, dan kertas kerja berkaitan dengan konflik selatan Thailand. Sebagai tambahan, rujukan-rujukan juga akan diambil daripada laporan daripada NGO dan juga laman sesawang agensi-agensi antarabangsa. Tesis ini juga akan menggunakan dokumen-dokumen

yang sulit sebagai salah satu sumber rujukan akan tetapi rujukan tersebut akan dilabel sebagai “*anonymous*” bagi menjaga kerahsiaan maklumat berkenaan. Kaedah kualitatif ini juga akan menggunakan pendekatan *content analysis* data-data dan maklumat-maklumat yang diperolehi, serta pendekatan fenomena yang berorientasikan kepada pemerhatian di kawasan-kawasan yang bergolak di lapangan.

Aplikasi Konsep Kajian

Konsep yang digunapakai dalam kajian ini adalah *Confidence and Security Building Measures* (CSBMs). Menurut David Capie & Paul Evans (2002), istilah *Confidence and Security Building Measures* mula digunakan ketika Perang Dingin di Eropah. Istilah ini seringkali bertukarganti dengan istilah *Confidence and Building Measures* (CBMs) kerana ia mempunyai maksud yang hampir sama. Tujuan CSBMs ini adalah untuk mengurangkan rasa kurang percaya dan salah sangka antara pihak yang bermusuhan dan sebagai tambahan, mengurangkan konflik bersenjata. Konsep ini bersesuaian dengan tajuk kajian ini iaitu pengurangan keganasan dan pemberhentian permusuhan. Ini bertepatan dengan apa yang berlaku di selatan Thai di mana pasukan keselamatan Thai khususnya pihak tentera dan puak pemisah saling melancarkan operasi dan serangan antara satu sama lain sehingga menyebabkan kemusnahan dan kematian orang awam yang tidak bersalah. Oleh itu, pengawalan dari segi konflik bersenjata perlu diterapkan dan perlu diperhalusi ketika proses rundingan damai berjalan. CSBMs juga menekankan bahawa konsep yang hendak diterapkan dalam konflik selatan Thai mestilah sesuai dengan suasana geopolitik, adat dan budaya wilayah tersebut. Malaysia adalah sebuah negara yang sesuai untuk menjadi pemudahcara untuk proses damai selatan Thai kerana majoriti rakyat selatan Thai adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam dan begitu juga dengan Malaysia. Dengan adanya perkara-perkara ini, maka proses rundingan damai dapat dijalankan dengan lancar.

Kesimpulan

Secara kesimpulannya, objektif kajian yang dinyatakan sebelum ini berjaya dicapai berdasarkan maklumat yang telah diperolehi dan dianalisis. Walaubagaimanapun, rundingan damai ini masih lagi berjalan dan masih terlalu awal untuk mengatakan rundingan damai ini akan berjaya memandangkan pelbagai isu yang timbul seperti pertukaran fasilitator dan juga pertukaran Perdana Menteri Thailand yang sememangnya akan memberi impak yang besar kepada proses rundingan damai.

Diharap supaya kajian yang dilakukan dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada proses damai yang berlangsung. Selain itu, dengan adanya kajian ini, kita dapat membuat penilaian secara adil dan telus tentang peranan Malaysia selaku fasilitator dalam rundingan proses damai ini. Sebagai tambahan, kajian ini juga dapat memberi satu penanda aras untuk meningkatkan keupayaan kerajaan Malaysia serta memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ada supaya proses rundingan damai dapat berjalan dengan lancar.

Kajian ini juga dapat dijadikan panduan atau maklumat kepada pengkaji-pengkaji lain yang ingin membuat kajian tentang penyelesaian konflik dan bidang keselamatan dan sebagai tambahan, kajian ini juga dapat mengembangkan lagi ilmu pengetahuan tentang konflik selatan Thai dan memberi informasi kepada orang ramai terutamanya pihak berkepentingan. Akhir sekali, kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada ahli akademik serta kerajaan dalam memformulasi dasar dan strategi yang lebih berkesan untuk memelihara kepentingan strategik dan keselamatan negara.

Penghargaan

Bismilahirrahmanirrahim. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah (S.W.T) kerana dengan limpah hidayahNya dapat saya menyiapkan kertas ini. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad (S.A.W) dan para sahabat baginda kerana membawa petunjuk dan iman kepada sekalian umat Islam. Pertamanya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat Pensyarah saya iaitu Kol Prof. Madya Dr. Mohd Zaini bin Salleh kerana memberi bimbingan, bantuan, semangat serta ilmu yang tidak ternilai dalam menyiapkan kertas ini. Tidak lupa juga kedua ibu bapa iaitu Che Rohana binti Che Man dan Ruzaiman bin Md Rabai yang sentiasa menyokong, memberi semangat dan mendoakan saya dan adik beradik saya untuk berjaya dunia dan akhirat. Sumbangan kalian amat bernilai buat saya dan hanya Allah S.W.T sahaja yang dapat membalasnya. Disini saya berdoa kepadaNya semoga anda semua dirahmati dan berjaya di dunia dan akhirat. Wasalam

Rujukan

- Aslam, M. (2012). Penyelesaian Konflik Selatan Thailand Dengan Menggunakan Gagasan 1 Malaysia. *Journal of Human Development and Communication, Volume 1, 2012*[137-152].
- Capie, D., & Evans, P. (2002). *The Asia-Pacific Security Lexicon* (1st ed.). SINGAPORE: Institute of Southeast Asian Studies.
- DeepSouthWatch.org. (n.d.). Retrieved from <https://deepsouthwatch.org/index.php/en/node>
- Kemahuan Politik Jalan Penyelesaian Konflik Selatan Thailand – Penang Institute. (2023, February 17). Retrieved from <https://penanginstitute.org/publications/suara-nadi/kemahuan-politik-jalan-penyelesaian-konflik-selatan-thailand/>
- Kunjungi Lima Provinsi Di Thailand Selatan Dubes Ri Bahas Kerja Sama Pendidikan Hingga Pertahanan | Portal Kementerian Luar Negeri Republik Indonesia. (n.d.). Retrieved from <https://kemlu.go.id/portal/id/read/3101/berita/kunjungi-lima-provinsi-di-thailand-selatan-dubes-ri-bahas-kerja-sama-pendidikan-hingga-pertahanan>
- Maddimunri, Muhammad. (2022). Hubungkait Gerakan Pemisah Dan Tuntutan Berkerajaan Sendiri Di Thailand.
- Mstar. (2020, April 1). Keganasan Berterusan Di Selatan Thailand. *mStar*. Retrieved from <https://www.mstar.com.my>
- Penganalisis: Anwar mungkin “beri nafas baharu” kepada rundingan damai di Selatan Thailand. (2022). Benar News. <https://www.benarnews.org/malay/berita/my-th-anwar-fasilitator-221215-12152022192334.html>
- Perunding Thailand Mahu Libatkan Semua Kumpulan Pemberontak Dalam Rundingan Damai Selatan*. (2019). Benar News. <https://www.benarnews.org/malay/komentar/my-th-brn-baru-191203-12032019122803.html>
- Pssat. (n.d.). Konflik Etnik Melayu-Muslim di Thailand Selatan: Penyebab, Proses, dan Dinamika – Pusat Studi Sosial Asia Tenggara Universitas Gadjah Mada. Retrieved from <https://pssat.ugm.ac.id/id/konflik-etnik-melayu-muslim-di-thailand-selatan-penyebab-proses-dan-dinamika/>
- Shahri, M. F., & Mohd Huda, M. I. (2021). KONFLIK DI SELATAN THAILAND : IMPLIKASI TERHADAP KESELAMATAN NASIONAL MALAYSIA. Vol. 18. No.3, 138–158.
- Yaacob, C. M. a. B. (2009). KONFLIK PEMISAH DI SELATAN THAILAND: ISU, AKTOR DAN PENYELESAIAN.

- Yaacob, C. M. a. B. (2011). Isu dan Penyelesaian: Konflik Pemisah di Selatan Thailand. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 1(38), hlm. 13-33
- Yaacob, C. M. A., & Ahmad, M. Z. (2019). TRANSFORMASI ISU DALAM PENYELESAIAN KONFLIK PATANI DI SELATAN THAILAND. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, Vol. 46, 131–154. Retrieved from <https://journalarticle.ukm.my/14248/1/33463-104319-1-SM.pdf>
- Zachary Abuza (2023) 2023 bakal saksikan lebih banyak keganasan di Selatan Thailand. *Benar News*. <https://www.benarnews.org/malay/komentar/my-th-abuza-keganasan-230106-01062023120900.html>